



12 Januari 2021
12 January 2021
P.U. (A) 5

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(POTONGAN BAGI PERBELANJAAN KE ATAS TERBITAN
SUKUK DAN SUKUK RUNCIT YANG DISTRUKTUR
MENURUT PRINSIP WAKALAH) 2021

*INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENDITURE ON
ISSUANCE OF SUKUK AND RETAIL SUKUK STRUCTURED
PURSUANT TO THE PRINCIPLE OF WAKALAH)
RULES 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN KE ATAS TERBITAN SUKUK DAN SUKUK RUNCIT YANG DISTRUKTUR MENURUT PRINSIP WAKALAH) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan ke atas Terbitan Sukuk dan Sukuk Runcit yang Distruktur menurut Prinsip Wakalah) 2021**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2021 hingga tahun taksiran 2025.

Potongan

2. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan suatu syarikat daripada perniagaannya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, hendaklah dibenarkan sebagai potongan suatu amaun bersamaan dengan jumlah amaun yang dinyatakan dalam subkaedah (5) atau (6), mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengan perbelanjaan atau perbelanjaan tambahan yang dilakukan oleh syarikat itu ke atas terbitan—

(a) sukuk yang distruktur menurut prinsip *Wakalah* yang terdiri daripada komponen gabungan aset dan hutang—

(i) yang diluluskan atau dibenarkan oleh, atau diserahkan simpan dengan, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*]; atau

(ii) yang diluluskan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 [*Akta 545*]; dan

(b) sukuk runcit yang distruktur menurut prinsip *Wakalah* yang terdiri daripada komponen gabungan aset dan hutang, yang diluluskan atau dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

(2) Perbelanjaan tambahan yang disebut dalam subkaedah (1) ialah—

(a) fi profesional yang berhubungan dengan usaha wajar, penggubalan dan penyediaan prospektus;

(b) kos percetakan prospektus;

(c) kos pengiklanan prospektus;

(d) fi pendaftaran prospektus Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;

(e) fi pemprosesan dan fi penyenaiaan permulaan Bursa Malaysia;

(f) fi pengkreditan terbitan baharu Bursa Malaysia; dan

(g) fi pengagihan utama.

(3) Sukuk runcit yang disebut dalam perenggan (1)(b) ialah apa-apa sukuk yang diterbitkan atau ditawarkan kepada pelabur runcit dan termasuklah suatu sukuk yang suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli sukuk dibuat kepada pelabur runcit.

(4) Pelabur runcit yang disebut dalam subkaedah (3) ialah mana-mana orang selain—

- (a) Bank Negara Malaysia yang disebut dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009 [*Akta 701*];
- (b) orang yang kepadanya suatu penawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali dibuat sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual 6 kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan
- (c) orang yang kepadanya suatu terbitan terkecuali dibuat sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual 7 kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

(5) Jumlah amaun potongan yang dibenarkan di bawah perenggan (1)(a) hendaklah bersamaan dengan amaun perbelanjaan yang dibenarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(6) Jumlah amaun potongan yang dibenarkan di bawah perenggan (1)(b) hendaklah bersamaan dengan amaun perbelanjaan dan dua kali amaun perbelanjaan tambahan yang dibenarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(7) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, “syarikat” ertinya suatu syarikat yang bermastautin di Malaysia dan diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] atau Akta Syarikat Labuan 1990 [*Akta 441*].

Dibuat 8 Januari 2021

[Perb. MOF.TAX.700-3/1/4 JLD.2; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-53; PN(PU2)80/C]

DATO' SRI TENGKU ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2)
Akta Cukai Pendapatan 1967]*

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENDITURE ON ISSUANCE OF SUKUK AND
RETAIL SUKUK STRUCTURED PURSUANT TO THE PRINCIPLE OF WAKALAH)
RULES 2021

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 154(1)(b) and 33(1)(d) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Deduction for Expenditure on Issuance of Sukuk and Retail Sukuk Structured pursuant to the Principle of Wakalah) Rules 2021**.

(2) These Rules have effect for the year of assessment 2021 until the year of assessment 2025.

Deduction

2. (1) For the purpose of ascertaining the adjusted income of a company from its business in the basis period for a year of assessment, there shall be allowed as a deduction an amount equivalent to the total amount specified in subrule (5) or (6), as the case may be, in respect of the expenditure or additional expenses incurred by the company on the issuance of—

(a) a sukuk structured pursuant to the principle of *Wakalah* comprising a mixed component of asset and debt—

(i) approved or authorized by, or lodged with, the Securities Commission Malaysia under the Capital Markets and Services Act 2007 [Act 671]; or

(ii) approved by the Labuan Financial Services Authority established under the Labuan Financial Services Authority Act 1996 [Act 545]; and

(b) a retail sukuk structured pursuant to the principle of *Wakalah* comprising a mixed component of asset and debt, approved or authorized by the Securities Commission Malaysia under the Capital Markets and Services Act 2007.

(2) The additional expenses referred to in subrule (1) shall be—

(a) the professional fee relating to due diligence, drafting and preparation of prospectus;

(b) the printing cost of prospectus;

(c) the advertisement cost of prospectus;

(d) the Securities Commission Malaysia prospectus registration fee;

(e) the Bursa Malaysia processing fee and initial listing fee;

(f) the Bursa Malaysia new issue crediting fee; and

(g) the primary distribution fee.

(3) The retail sukuk referred to in paragraph (1)(b) shall be any sukuk that is issued or offered to a retail investor and includes a sukuk where an invitation to subscribe or purchase the sukuk is made to the retail investor.

(4) The retail investor referred to in subrule (3) shall be any person other than—

- (a) the Central Bank of Malaysia referred to in the Central Bank of Malaysia Act 2009 [Act 701];
- (b) a person to whom an excluded offer or excluded invitation is made as specified in Part I of Schedule 6 to the Capital Markets and Services Act 2007; and
- (c) a person to whom an excluded issue is made as specified in Part I of Schedule 7 to the Capital Markets and Services Act 2007.

(5) The total amount of deduction allowed under paragraph (1)(a) shall be equivalent to the amount of expenditure allowed under these Rules.

(6) The total amount of deduction allowed under paragraph (1)(b) shall be equivalent to the amount of expenditure and twice the amount of additional expenses allowed under these Rules.

(7) For the purposes of these Rules, “company” means a company resident in Malaysia and incorporated under the Companies Act 2016 [Act 777] or the Labuan Companies Act 1990 [Act 441].

Made 8 January 2021

[Perb. MOF.TAX.700-3/1/4 JLD.2; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-53; PN(PU2)80/C]

DATO' SRI TENGKU ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]